



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

**BELANJAWAN 2026 KPN :
“PERPADUAN TERAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA”**

PUTRAJAYA, 11 Oktober 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sentiasa komited dalam mendukung aspirasi Kerajaan MADANI untuk memperkukuh perpaduan rakyat Malaysia sebagai asas pembangunan negara.

Perpaduan nasional menjadi teras kepada keyakinan pelabur, kestabilan politik dan kemajuan ekonomi. Apabila rakyat bersatu, pelaburan mengalir, ekonomi berkembang dan kesejahteraan rakyat meningkat. Oleh itu, menjayakan Ekonomi MADANI bermula dengan memperkukuh perpaduan kerana hanya dengan kekuatan bersama, kemakmuran dapat dikongsi oleh semua lapisan masyarakat.

Melalui Belanjawan 2026 yang bertemakan **Belanjawan Rakyat** ini, KPN telah diberi peruntukan sebanyak **RM767,993,300** iaitu **RM650,476,100** adalah Perbelanjaan Mengurus (OE) dan **RM117,517,200** adalah Perbelanjaan Pembangunan (DE). Peruntukan ini **meningkat** sebanyak **7.96%** berbanding tahun 2025.

Tahun/ Peruntukan	Peruntukan 2023 (RM)	Peruntukan 2024 (RM)	Peruntukan 2025 (RM)	Peruntukan 2026 (RM)
Mengurus (OE)	541,595,300	547,590,900	587,351,800	650,476,100
Pembangunan (DE)	29,746,200	88,231,000	123,995,000	117,517,200
JUMLAH	571,341,500	635,821,900	711,346,800	767,993,300

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Belanjawan ini selari dengan ketetapan hala tuju baharu KPN Tahun 2026 iaitu **Pembinaan Negara Bangsa** sebagai teras utama dalam

memperkukuh perpaduan nasional dan keharmonian di Malaysia. Melalui **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)**, KPN turut merangka **21 cadangan inisiatif Pembinaan Negara Bangsa** yang sangat penting bagi Malaysia sebagai sebuah negara berbilang agama, bangsa dan budaya.

Selain itu, beberapa **inisiatif khas Belanjawan 2026** turut diumumkan kepada KPN iaitu:

- i. Pelaksanaan program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian bagi memupuk semangat perpaduan serta jati diri **(RM55 juta)**;
- ii. Memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga sebagai penghubung jalin dalam komuniti **(RM55 juta)**;
- iii. Pembinaan tiga (3) pusat aktiviti perpaduan iaitu di Kompleks Perpaduan Bukit Besar, Kuala Terengganu, Pusat Aktiviti Perpaduan Bandar Seri Iskandar, Perak; Pusat Aktiviti Perpaduan Miri, Sarawak **(RM46 juta)**;
- iv. Penyediaan dana awal secara geran padanan bagi mengalakkan sektor korporat, dermawan dan pakar warisan untuk meremajakan Muzium Negara **(RM5 juta)**;
- v. Penambahbaikan kemudahan pendidikan awal kanak-kanak perpaduan di seluruh negara **(RM20 juta)**;
- vi. Pembukaan Muzium Tekstil di Menara Merdeka 188 sebagai usaha mengetengahkan tekstil dunia Melayu; dan
- vii. Potongan cukai kepada individu dan syarikat korporat yang menyumbang secara tunai kepada Akaun Amanah Jabatan Muzium Malaysia.

Dengan hala tuju yang jelas ini, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menjadi peneraju dalam membina masyarakat Malaysia yang harmoni, inklusif, dan berpaksikan nilai sejagat yang mendukung semangat Malaysia MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara

11 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (87)